

CORPORATE: 02/2022 (28)

26 Oktober 2022

YBhg. Dato' Abdul Latif bin Hj. Abu Seman
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC),
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya, Selangor

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berbahagia Dato',

**JEMPUTAN KE UNIVERSITY COLLEGE OF YAYASAN PAHANG (UCYP)
BAGI PERBINCANGAN POTENSI KERJASAMA**

Dengan segala hormat dan takzimnya, terlebih dahulu didoakan semoga YBhg. Dato' dan seluruh warga Perbadanan Produktiviti Malaysia berada dalam keadaan sihat sejahtera hendakNya.

2. Adalah dengan ini, pihak University College of Yayasan Pahang (UCYP) dengan berbesar hati ingin menjemput YBhg. Dato' serta para pegawai dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk berkunjung ke UCYP. Pertemuan ini adalah bertujuan untuk

- i. mengeratkan hubungan antara kedua-dua organisasi
- ii. mencipta ruang kerjasama bagi memenuhi keperluan pendidikan yang merangkumi penyelidikan, perkongsian idea dan pelaksanaan program pembangunan profesional

Sehubungan itu, pihak UCYP ingin mencadangkan tarikh pertemuan seperti berikut:

Tarikh : 03 November 2022 (Khamis)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat E1,
Aras 2, Kompleks Yayasan Pahang
Tanjung Lumpur, Kuantan, Pahang Darul Makmur

Sebarang maklumat dan pertanyaan lanjut boleh hubungi pegawai berikut:

Suhaila binti Mukhtar

Penolong Naib Canselor (Penjenamaan, Komunikasi & Diplomasi Korporat)

019 988 0850, suhaila@ucyp.edu.my

3. Oleh yang demikian, besarlah harapan kami agar YBhg. Dato' dapat mempertimbangkan hasrat yang dinyatakan dan semoga hasil kolaborasi ini memberi manfaat sepenuhnya kepada pembangunan modal insan, ekonomi dan sosial negeri dan negara.

Sekian, terima kasih

Kesemua pihak hendaklah mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, polisi Anti-Bribery Management System, atau mana- mana akta yang berkaitan dengan anti rasuah dan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti, amalan atau kelakuan yang akan dianggap sebagai 'Prohibited Act' mengikut Akta Suruhanjaya 2009.

Yang Benar,
UNIVERSITY COLLEGE OF YAYASAN PAHANG



PROFESOR EMERITUS DATO' DR. AHMAD BIN HAJI ZAINUDDIN
NAIB CANSELOR

s/k: Fail